

Hong Leong Connect – Nikmati Kos Sifar Selama Setahun untuk IBG & Pindahan Segera dengan Aplikasi Hong Leong Connect

TEMPOH PROMOSI

“Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong Connect (**“Connect”**) – Promosi Kos Sifar Selama Setahun untuk IBG & Pindahan Segera (Promosi) dengan Aplikasi Hong Leong Connect oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (**“HLB”**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (**“HLISB”**) [secara kolektif dirujuk di sini sebagai **“Bank”**], bermula dari 17 Julai 2017 hingga 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan jika dinyatakan sebaliknya (**“Tempoh Promosi”**).

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (**“T&S”**)

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pengguna sedia ada dan pengguna baru aplikasi Hong Leong Connect sepanjang Tempoh Promosi ("Pengguna HL Connect")

MEKANISMA

- Tiada borang penyertaan pertandingan atau pendaftaran bagi menyertai Promosi ini.
- Pelanggan yang layak IBG & Pindahan Segera berhak untuk menikmati pelepasan fi bagi sebarang urusan niaga/transaksi "Interbank" GIRO ("IBG") dan/atau Dana Pindahan Segera Bank ("Instant Transfer") termasuk urusan niaga/transaksi arahan tetap ("SI") bagi sebarang amaun pindahan tertakluk pada jumlah had pindahan harian dana "interbank" ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Pelepasan Fi") untuk dua belas (12) bulan bermula 17 Julai hingga 30 Jun 2018 (Tempoh Pelepasan Fi).

No	Keterangan / Perkhidmatan	Caj / Fi	GST (6%)	Caj/Fi semasa Tempoh Promosi
1	Urus niaga/transaksi melalui GIRO (IBG)	RM 0.10 setiap pindahan	RM 0.10	PERCUMA
2	Urus niaga/transaksi Pindahan Segera (Instant Transfer)	RM 0.50 setiap pindahan	RM 0.03	PERCUMA

- Untuk tujuan Promosi Kos Sifar bagi IBG & Pindahan Segera ini, maksima Pelepasan Fi bagi urusan niaga/transaksi bayaran hendaklah dihadkan pada RM2.845 juta maksimum ("Had Pelepasan Fi") sepanjang Tempoh Promosi atas dasar siapa cepat dia dapat. Tanpa mengira sebarang kenyataan selepas ini, tiada Pelepasan Fi lanjutan akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak IBG & Pindahan Segera sebaik sahaja Had Pelepasan Fi tercapai.
- Pelanggan yang Layak IBG & Pindahan Segera boleh melakukan berbilang pindahan dana tertakluk pada jumlah had pindahan harian dana "interbank" melalui IBG dan/atau Pindahan Segera sepanjang Tempoh Promosi melalui aplikasi "Connect Online", "Connect Mobile" dan/atau "Connect Tablet" dan akan diberi ganjaran Pelepasan Fi, tertakluk pada ketersediaan Had Pelepasan Fi dan atas dasar siapa cepat dia dapat.
- Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai apa juga kawalan ke atas kesesakan trafik, rangkaian atau kegagalan sambungan internet dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh

pembekal perkhidmatan telekomunikasi ("Telco") yang mengakibatkan kelewatan pindahan dana melalui IBG dan/atau Pindahan Segera semasa Tempoh Promosi.

T&S Am

7. Melalui penyertaan dalam Promosi ini, Pengguna HL Connect bersetuju:
 - (a) Bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju T&S yang terkandung dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Aplikasi dan lain-lain terma dan syarat yang berkaitan yang Bank mungkin akan dikenakan dari semasa ke semasa;
 - (b) Bahawa keputusan Bank dalam segala hal yang berkaitan dengan Promosi ini termasuk Pelepasan Fi adalah muktamad dan mengikat semua Pengguna HL Connect dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan lagi;
 - (c) Untuk mengakses laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("Laman sesawang HLB"), laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my ("Laman sesawang HLISB") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut.
8. Bank berhak untuk:
 - (a) Menambah, menghapuskan atau mengubah T&S ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini mengikut budi bicaranya, dengan cara menyiarkannya melalui Laman sesawang HLB, Laman sesawang HLISB atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank, bagi tujuan memberi notis awal kepada Pengguna HL Connect tentang penambahan, penghapusan atau pindaan T&S tersebut atau penggantungan atau penamatan Promosi ini;
 - (b) Menarik balik Pelepasan Fi sekiranya tidak mematuhi T&S yang terkandung ini; dan
 - (c) Membatalkan Pengguna HL Connect atas sebarang sebab di atas budi bicara yang dianggap wajar oleh HLB daripada mengambil bahagian dalam Promosi ini;
9. T&S yang terkandung hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Hong Leong Connect sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect, T&S ini akan digunakan bagi percanggahan tersebut.
10. T&S yang terkandung akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pengguna HL Connect bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
11. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S akhir pada Laman sesawang HLB dan/atau Laman sesawang HLISB akan digunakan.